



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



MODAL INSAN RABBANI PEMANGKIN MASYARAKAT MADANI

RABBANI HUMAN CAPITAL CATALYST OF CIVIL SOCIETY

Ahmad Syafiq Yusof^{1*}, Wan Abdul Rahman Wan Ibrism Fikry², Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain³, Dhiyaul Hafidh Fatah Yasin⁴

- ¹ Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia
Email: 02221051015@student.kuips.edu.my
- ² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: warwif94@gmail.com
- ³ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: muhammadtalhah.j@utm.my
- ⁴ Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia
Email: dhiya@kuips.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.12.2023
Revised date: 18.01.2024
Accepted date: 14.02.2024
Published date: 01.03.2024

To cite this document:

Yusof, A. S., Fikry, W. A. R. W. I., Jina'ain, M. T. A., & Yasin, D. H. F. (2024). Modal Insan Rabbani Pemangkin Masyarakat Madani. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (35), 34-44.

DOI: 10.35631/IJLGC.935004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pembangunan Modal Insan Rabbani adalah berlandaskan akidah, syariah dan akhlak. Masyarakat Madani diertikan sebagai masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan serta beradab dan menyanjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan apatah lagi dalam keunikan masyarakat Malaysia yang mempamerkan kepelbagaian kaum, budaya dan agama, masih hidup dalam suasana harmoni. Artikel ini membahaskan cabaran yang dihadapi dalam melahirkan Modal Insan Rabbani dalam mendorong terbentuknya masyarakat madani menerusi sorotan literatur berkaitan modal insan rabbani dan masyarakat madani dalam kajian terdahulu dan mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi meneroka cadangan isu baharu untuk dikaji. Prosedur yang dijalankan merangkumi strategi pencarian, kriteria pemilihan, proses pemilihan, pengumpulan data dan analisis data bagi karya ilmiah dan artikel yang diperolehi. Dapatan kajian ini menunjukkan bagaimana penguatan Modal Insan Rabbani dapat menjadi pemangkin untuk menciptakan masyarakat madani yang berakhlak tinggi, berdaya saing, serta berperanan aktif dalam memajukan kebaikan sosial.

Kata Kunci:

Modal Insan, Rabbani, Masyarakat Madani, Maju, Nilai Kemanusiaan, Kebaikan Sosial

Abstract:

Rabbani's Human Capital Development is based on belief, Sharia and morals. A civilized society is understood as a society that is advanced in terms of thought, spirituality and materiality as well as civilized and highly appreciative of human values, not to mention the uniqueness of the Malaysian society that exhibits the diversity of races, cultures and religions, still living in a harmonious atmosphere. This article debates the challenges faced in creating Rabbani Human Capital in encouraging the formation of civil society through highlighting the literature related to Rabbani human capital and civil society in previous studies and integrating the findings of previous studies to explore new issues to be studied. The procedure carried out includes search strategy, selection criteria, selection process, data collection and data analysis for scientific works and articles obtained. The findings of this study show how the strengthening of Rabbani's Human Capital can be a catalyst to create a civil society with high morals, competitiveness, and an active role in promoting social good.

Keywords:

Human Capital, Rabbani, Civil Society, Development, Human Values, Social Good

Pengenalan

Pendidikan adalah satu elemen asas dalam pembangunan masyarakat dan negara (Akhmal *et al.*, 2011). Dalam konteks dunia yang semakin global dan berterusan berubah, pendidikan telah menjadi keperluan asasi yang tidak terhad kepada golongan tertentu. Sebaliknya, ia harus diakses oleh setiap individu dalam sesebuah komuniti mahupun masyarakat. Era globalisasi dan keterbukaan memaksa kita untuk mengakui bahawa pendidikan adalah kunci ke arah pembangunan yang berkesan dan mampan (Samruhaizad & Azahan, 2017). Dalam perspektif Islam, pendidikan bukan sekadar memperolehi pengetahuan dunia semata-mata. Ia juga melibatkan pengembangan modal insan yang berlandaskan akidah, syariah, dan akhlak yang mulia (al-Ghazali, 2001). Hal ini bermakna pendidikan dalam Islam lebih dari sekadar pengetahuan, ia mencakup keseluruhan aspek kehidupan yang mengikut pedoman syariat (Sofiah *et al.*, 2016).

Konsep "Modal Insan Rabbani" menjadi kunci utama dalam membentuk masyarakat madani yang diidamkan dalam Islam. Masyarakat Madani didefinisikan sebagai masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian, kebendaan, dan beradab, serta menghargai nilai-nilai kemanusiaan (Anwar, 2023). Untuk mencapai matlamat ini, perlu ada kekuatan yang berakar umbi, bermula dari peringkat individu, keluarga, dan kumpulan yang membentuk masyarakat secara keseluruhannya. Negara Malaysia dengan kepelbagaian etnik, kaum, budaya, dan agama, perlu mengekalkan keharmonian dalam masyarakatnya. Bagi merealisasikan masyarakat madani yang diinginkan, perhatian serius perlu diberikan kepada aspek kepelbagaian ini. Agenda transformasi pendidikan negara menekankan pada penghasilan "Modal Insan Rabbani" sebagai elemen utama dalam usaha mencipta masyarakat madani yang bermoral tinggi, kompetitif, dan aktif dalam memajukan kebajikan sosial.

Artikel ini bertujuan membicarakan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha melahirkan "Modal Insan Rabbani" dalam konteks mendorong terbentuknya masyarakat madani. Modal Insan Rabbani merujuk kepada pengembangan potensi manusia dengan nilai-nilai spiritual dan etika Islam sebagai landasan (Alihanafiah & Mustaffa, 2019). Justeru, artikel ini juga mengupas bagaimana penguatan Modal Insan Rabbani boleh menjadi pemangkin untuk mencipta masyarakat madani yang berakhlak tinggi, berdaya saing, serta berperanan aktif dalam memajukan kebaikan sosial. Pemahaman dan pelaksanaan konsep Modal Insan Rabbani adalah penting dalam membentuk masyarakat yang inklusif, adil, dan berorientasikan kepada kebaikan bersama. Artikel ini akan membicarakan perkembangan dan kepentingan konsep ini dalam konteks Malaysia dan bagaimana ia boleh menjadi landasan bagi pencapaian matlamat pembangunan masyarakat madani yang diharapkan.

Insan Rabbani

Kata Rabbani di ambil daripada kata Rabb yang membawa maksud antaranya pendidik dan pelindung (M.Quraish Shihab, 2002). Kata Rabbani jamaknya Rabbaniyyun. Kata ini menurut Abu Ubaidah dalam Ibnu Al-Jauzi (I: 413), bukan dari bahasa Arab tapi bahasa Ibrani atau Suryani. Menurutnya bangsa Arab tidak mengetahui kata Rabbani, mereka hanya tahu orang faqih dan ahli ilmu.

Menurut Abu Hamid al-Ghazali (1981) ada pun hamba yang paling rabbani adalah hamba yang paling dekat dengan Allah. Sementara itu Ibn Abbas menyebutkan:

“Jadilah rabbaniyyin iaitu orang-orang yang penyantun, bijaksana, dan faham betul tentang agama. Rabbani adalah yang mengurus dan mendidik manusia dengan berbagai ilmu sejak dini”.

Maka pengertian ‘Insan Rabbani’ dari segi bahasa, ialah orang yang memiliki kemampuan memahami dan memiliki daya fikir, beradab, bersahabat serta ramah dalam pergaulan, makrifah kepada Allah, berpegang kepada agama Allah dan sentiasa taat kepada-NYA, suka mendidik manusia, berilmu, mengamalkan ilmunya serta mengajarkannya (Ajmain, 2018).

Mengikut Yaacob dan Che Bakar (2004), individu yang cemerlang adalah individu yang dapat melaksanakan tugasnya sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam iaitu sebagai hamba dan juga sebagai Khalifah Allah dalam erti yang dihuraikan oleh praktikaliti Rasulullah SAW para sahabat dan para ulamak-ulamak pewaris Rasul. Setiap individu yang berjaya menjalankan fungsi di atas dengan baik akan disebut sebagai insan rabbani (Ajmain, 2018).

Tafsir Al-Misbah (Shihab, M.Quraish, 2002) Insan Rabbani adalah mereka yang dianugerahi kitab, hikmah dan kenabian menganjurkan semua orang agar menjadi rabbani dalam erti semua aktiviti, gerak dan langkah, niat dan ucapan kesemuanya sejalan dengan nilai-nilai yang dipesanan oleh Allah SWT. Imam al-Qurthubi dalam tafsir al-Jami’ liahkamil-Quran menulis, “Ar-Rabbani adalah penisbatan kepada ar-Rabb. Dia adalah orang yang mengajarkan ilmu yang ringan-ringan sebelum yang berat. Dia adalah ulama ahli agama yang mengamalkan ilmunya”. Al-Thabari (III, 324) antara lain menjelaskan, Rabbani itu orang yang sentiasa memberi pelajaran kepada manusia dengan bijaksana serta mendidiknya. Rabbaniyyun juga adalah seorang yang tidak Istikanah (tunduk menyerah diri kepada musuh). Ribbiyyun adalah hamba Allah yang sentiasa tunduk dan menyerah kepada hanya kepada Allah. (Ajmain, 2018).

Dalam memberikan penjelasan kalimah Rabbani, para ahli tafsir tidak jauh berbeza antara satu dengan yang lain. Antara satu pandangan dengan yang lainnya, walaupun ada perbezaan kecil

namun ia dapat dijadikan sebagai penjelasan terhadap apa yang dimaksud dengan Rabbani. Pendapat-pendapat tersebut antara lain:

1) At-Thabari (IV: 249) menyebutkan:

Rabbani ialah orang yang berpengetahuan, arif bijaksana, pandai mengatur urusan manusia dan melakukan kebajikan.

At-Thabari juga menjelaskan (III: 324) menjelaskan:

Mereka para pemimpin dalam makrifah kepada Allah, melaksanakan perintah serta menjauhi larangannya, dan pemimpin dalam taat serta ibadah kepadanya kerana merekalah yang mengajar al-Kitab serta mempelajarinya, sehingga mereka itu menjadi ahli tarbiyyah.

2) Ibnu Al-Jauzi (II: 364) menyebutkan:

Mereka itu orang yang Fakih, ahli ilmu, para pemimpin.

Ibnu Al-Jauzi (I: 413) juga menyatakan:

Mereka yang suka memberi pengajaran kepada manusia dengan ilmu / hikmah, serta mendidiknya.

3) Muhammad Mahmud Hijazi (I; 246) menyebutkan:

Rabbani itu yang berpegang teguh pada agama Allah serta taat kepadanya dengan sebenar-benarnya, mereka mengajarkan al-kitab pada orang lain serta mengkaji dan mempelajarinya.

Al-Maraghi (I:195) menyebutkan:

Mereka itu orang berilmu mengenal Allah, dan taat kepadanya.

Al-Maraghi (II: 15) juga mengatakan:

Mereka para pemimpin pendidikan dan politik serta ulama dalam agama.

Maka, dengan melihat kesemua pandangan para mufassir di atas, maka dapat dibuat kesimpulan menurut Ajmain (2018) bahawa rabbani itu orang yang bermakrifah kepada Allah serta sentiasa taat beribadah, berpegang pada agama, bersaksi atas kebenaran al-Quran, menjaga keutuhannya, sering mendampingi ilmu pengetahuan dengan mengkajinya dan mengajarkan serta mendidik orang lain, melakukan amar makruf nahi munkar, menggunakan daya untuk memahami dan daya fikir, berilmu, beradab, ramah terhadap persekitaran, dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan, dengan menyedari akan dirinya sebagai makhluk Allah yang tidak selalu benar serta mempunyai sifat pelupa.

Masyarakat Madani

Setiap insan merupakan satu titik kecil ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang bertamadun. Keluarga yang baik akan melahirkan individu-individu yang hebat peribadinya, berwawasan, berilmu dan mampu mencorak masa depan negara. Menurut al-Farabi (1961),

masyarakat bertamadun yang bekerjasama untuk menggapai bahagia sejati adalah masyarakat Madani. Masyarakat Madani terdiri daripada enam teras iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan Ihsan (Anwar Ibrahim, 2023).

Kemampanan

Mampan bermaksud mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Mampan juga boleh membawa maksud mampu terus berkembang dan mencapai tahap prestasi yang baik (berkenaan ekonomi, pembangunan dan sebagainya). Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim menetapkan negara yang maju dan berdaya saing perlu mempunyai sistem kepimpinan, pentadbiran, pembangunan, ekonomi, pendidikan dan rakyat yang mampan. Kemampanan akan menyerlahkan dan melonjakkan pencapaian sesebuah negara seterusnya membawa negara ke puncak dunia (Anwar Ibrahim, 2023).

Kesejahteraan

Islam berasal daripada perkataan Salam yang bererti sejahtera. Kesejahteraan perlu dirasai oleh individu, masyarakat dan negara. Ahmad Badruddin (2023) memperincikan kesejahteraan individu kepada lapan poin penting iaitu 1) pengurusan emosi diri dan orang lain, 2) persekitaran yang sejahtera, 3) pengurusan kewangan semasa dan masa hadapan, 4) kemampanan ilmu dan pengalaman, 5) kepuasan dan keselamatan pekerjaan, 6) fizikal yang baik dan sihat, 7) hubungan sosial yang kuat dan menjadi sokongan, 8) kekuatan spiritual dan rohani.

Dari aspek masyarakat dan negara pula kesejahteraan melibatkan dasar-dasar yang membawa ke arah kemaslahatan rakyat, peningkatan kualiti hidup, muafakat kukuh dalam masyarakat yang pelbagai latar belakang agama, bangsa dan budaya, keadilan dan kesaksamaan, sikap toleransi dan kerjasama demi keharmonian dan keamanan (Ahmad Badruddin, 2023). Namun, mengutamakan dasar yang mampu menghalang kerosakan atau kemudaratan perlu diambil perhatian demi kesejahteraan masyarakat dan negara. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh *درء المفاسد مقدم على جلب المصالح* (menolak kemudaratan didahulukan berbanding memperoleh kemaslahatan) (al-Zarqa, 1989).

Daya Cipta

Daya cipta ialah keupayaan dan kemampuan mencipta (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Masyarakat madani adalah masyarakat yang berupaya menonjol dan mencungkil bakat terpendam dalam inovasi dan reka cipta. Seorang manusia yang mempunyai daya cipta amat diperlukan bagi melonjakkan industri mesin, teknologi digital, ekonomi dan banyak lagi.

Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) telah berjaya menganjurkan sebuah pertandingan yang menarik membabitkan usaha sama daripada Astro sebagai penerbit rancangan yang diberi nama Innovathon pada tahun 2023. Pertandingan realiti televisyen yang menampilkan pereka-pereka berbakat besar telah mempamerkan hasil cipta mereka yang memukau para juri. Usaha seperti ini bukan sahaja memunculkan pencipta dan pereka yang kreatif dan inovatif bahkan mampu menjadi suntikan kepada perkembangan ekonomi (Rafizi Ramli, 2023).

Hormat

Saling menghormati sesama insan menjadi faktor pendorong ke arah pembinaan masyarakat Madani. Masyarakat Madani hasil tarbiah Rasulullah SAW mampu hidup harmoni, aman

damai dan saling toleransi dengan kepelbagaian latar belakang agama dan kaum ('Ali Jum'ah, 2018). Allah SWT telah memulia dan mengangkat derajat manusia seperti yang termaktub dalam surah al-Isra' ayat 70;

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: "Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan." (Al-Isra': 70)

Ayat al-Quran di atas menunjukkan *karamah insaniah* yang perlu dihormati dan dipelihara. Malangnya, masyarakat hari ini seakan sudah hilang sikap saling menghormati terutamanya dalam perkara-perkara yang diperselisihkan. Sifat ego dan sombong menyebabkan manusia menolak kebenaran dan memperlekeh orang lain sebagaimana digambarkan dalam hadis Nabi SAW;

الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ، وَعَمَطُ النَّاسِ

"Kesombongan itu ialah menolak kebenaran dan merendahkan manusia." (Hadis Riwayat Muslim: No. 91)

Keyakinan

Masyarakat yang bertamadun adalah masyarakat yang mempunyai keyakinan dalam setiap perancangan dan tindakan khususnya keyakinan dan kepercayaan kepada Tuhan. Rukun negara Malaysia yang pertama juga ialah kepercayaan kepada tuhan. Keyakinan dan keimanan dalam Islam tertegak dengan 6 tonggak iaitu keimanan kepada Allah SWT, para malaikat, para rasul, kitab, hari kiamat serta Qadha' dan Qadar. Keimanan dan keterikatan manusia dan Penciptanya mendorong akhlak yang mulia dan pekerjaan yang bertamadun dalam segenap sisi kehidupan (al-Attas, 2018).

Ihsan

Ihsan ialah tingkatan sifat tertinggi seorang hamba Allah SWT seperti yang disebutkan oleh baginda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud "kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, tetapi jika kamu tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu." (Riwayat Muslim). Ihsan juga merupakan tonggak yang mustahak dalam membina masyarakat Madani (Anwar Ibrahim, 2023).

Dalam al-Quran, perkataan Ihsan diulang beberapa tempat membawa maksud perlakuan baik terhadap makhluk (Ibn Kathir, 1998). Firman Allah SWT;

وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ

"Dan berbuat baiklah (kepada orang lain) seperti halnya Allah berbuat baik terhadapmu." (al-Qasas: 77)

وَأَذْأَخْدُنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِأَلْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا
وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ

“Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janji dari Bani Israil, “Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat-baiklah kepada kedua orang tua, kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin. Dan bertuturkatalah yang baik kepada manusia, laksanakanlah salat dan tunaikanlah zakat.” Tetapi kemudian kamu berpaling (menggikari), kecuali sebagian kecil dari kamu, dan kamu (masih menjadi) pembangkang.” (al-Baqarah: 83)

Cabaran Pendidikan Insan Rabbani

Menurut Habib (2018), usaha untuk membentuk generasi Khaira Ummah berpaksikan pendidikan Rabbani adalah adalah “gagasan besar” yang memerlukan komitmen tinggi dari warga pendidik dan juga sokongan masyarakat sama ada secara formal atau tidak formal. Institusi pendidikan merupakan tapak semaian untuk menyemai benih generasi untuk mencapai hasanah di dunia dan di akhirat. Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa persoalan perlu perbincangkan yang antara lain;

Adakah para pendidik boleh memainkan peranan secara berkesan sebagai pemain utama dalam menjana generasi insan rabbani. Apakah guru dapat berfungsi secara efektif sebagai qudwah (role model) dari segi cara mendekati atau menyantuni pelajar dan penampilan diri.

Adakah para pendidik memiliki aura dan sentuhan batin dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kedua elemen tersebut mempunyai impak yang signifikan dalam konteks mendidik, mengadabkan murid dan memotivasikan pelajar untuk mengaplikasikan prinsip Pendidikan Rabbani seperti keutamaan ilmu dan kefaqihan, pengamalan dan penyebaran ilmu, dan kemenjadian insan mulia dan lain-lain.

Apakah para pendidik mempunyai tahap kompetensi yang membolehkannya melakukan kepelbagaian peranan secara berkesan di institusi pendidikan seperti kemahiran komputer, kemahiran menyelidik, kemahiran berkomunikasi secara berkesan, pengetahuan dan kemahiran pedagogi, kemahiran bersosialisasi dengan masyarakat luar sekolah, kemahiran bahasa, memahami falsafah, misi dan visi dasar pendidikan dan lain-lain.

Apakah citarasa, kefahaman dan persepsi masyarakat terhadap matlamat melahirkan insan rabbani. Adakah benar tanggapan umum bahawa masyarakat lebih berminat melihat kejayaan anak mereka dengan tumpuan dalam bidang akademik kerana itu adalah pelonjak kepada mobiliti ekonomi dan status quo masyarakat kita, di mana aspek kerohanian, penampilan sebagai insan beradab menjadi tumpuan sekunder.

Bagaimanakah dengan sokongan masyarakat. Adakah terdapat kalangan ahli masyarakat dan pendidik sendiri yang mempunyai pemikiran berbeza terhadap Dasar Pendidikan Rabbani dan konsep Khaira Ummah itu sendiri. Adakah terdapat kemungkinan akan berlaku gerak kerja Penyirnaan Islam dalam institusi pendidikan itu sendiri sama ada secara langsung atau tidak langsung yang menatijahkan sikap pesimis, melihat Islam pada sudut pandang liberal dan sebagainya di mana pada akhirnya terdapat kecairan dari segi pemahaman dan pelaksanaan strategik dasar tersebut.

Bagaimana keupayaan guru untuk berperanan sebagai pemimpin kerohanian yang dapat memenuhi harapan;

- i. Memimpin pelajar supaya mereka mempunyai keghairahan dan rasa cinta untuk melakukan kebaikan (makruf) dan mencegah kebobrokan masyarakat (mungkar)
- ii. Membentuk kesatuan fikrah dan amal mengenai kepentingan kesatuan hidup bersama (menyedari Allah menciptakan manusia bersuku-suku dan berbangsa-bangsa) dalam menterjemahkan konsep islam sebagai Rahmat Untuk Semua
- iii. Memupuk kesedaran akhlak dan moral yang membibitkan perasaan mahabbah dan kasih sayang sesama manusia
- iv. Mendidik amalan murni seperti suka bertolong bantu dan berlumba-lumba dalam melakukan kebajikan

Cabaran Melahirkan Masyarakat Madani

Dalam konteks dunia moden yang penuh dengan cabaran dan kompleksiti, terdapat keperluan yang semakin mendesak untuk menghasilkan sebuah masyarakat yang dikenali sebagai "Masyarakat Madani." Masyarakat Madani merujuk kepada masyarakat yang mempunyai aspek kerohanian yang kukuh, pemikiran yang cemerlang, kesejahteraan material yang seimbang, dan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi. Dalam Islam, konsep ini dikenali sebagai "Masyarakat Rabbani." Cabaran yang dihadapi dalam usaha melahirkan Masyarakat Madani adalah pelbagai dan memerlukan penumpuan yang serius. Terdapat beberapa cabaran utama yang perlu diatasi dalam usaha mencapai matlamat ini.

Keperluan Pendidikan yang Holistik

Bagi melahirkan Modal Insan Rabbani, pendidikan harus diutamakan sebagai asas utama. Namun, pendidikan yang hanya berfokus pada aspek akademik tidak mencukupi (Zakwan *et al.*, 2020). Pendidikan harus holistik, mencakupi aspek akidah, syariah, dan akhlak. Hal ini adalah cabaran utama dalam sistem pendidikan yang perlu ditangani dengan bijak dan hikmah.

Pengaruh Globalisasi dan Pemodenan

Realiti hari ini, semakin terpengaruh dengan globalisasi dan pemodenan (Husni, 2015). Cabaran dalam konteks ini adalah bagaimana memastikan bahawa nilai-nilai tradisional dan spiritual tidak terpinggirkan dalam proses pemodenan. Masyarakat Madani harus dapat mengintegrasikan nilai-nilai ini dalam kehidupan moden.

Kepelbagaian Masyarakat Malaysia

Masyarakat Malaysia dikenali dengan kepelbagaian etnik, kaum, budaya, dan agama (Aziera *et al.*, 2017). Cabaran di sini adalah bagaimana menguruskan dan merangka pendekatan yang memungkinkan semua segmen masyarakat untuk merasa dihormati dan disertakan dalam usaha untuk melahirkan Masyarakat Madani yang bersatu padu.

Pembangunan Modal Insan Rabbani

Melahirkan Modal Insan Rabbani memerlukan usaha bersama dari peringkat individu, keluarga, komuniti dan kerajaan (Alihanafiah & Mustaffa, 2019). Cabaran utama adalah bagaimana menyediakan peluang untuk pembangunan rohani dan moral yang berterusan dalam masyarakat.

Keberkesanan Institusi Pendidikan dan Dakwah

Institusi-institusi pendidikan dan dakwah memainkan peranan penting dalam membentuk Modal Insan Rabbani. Cabaran adalah bagaimana memastikan bahawa institusi-institusi ini berkesan dalam menyampaikan nilai-nilai Islam yang sejati dan relevan.

Dalam menangani cabaran-cabaran ini, penting untuk mengambil pendekatan holistik yang merangkumi pendidikan, penglibatan komuniti, dan pembangunan individu. Modal Insan Rabbani yang kuat adalah kunci kepada melahirkan sebuah Masyarakat Madani yang stabil dan dinamik (Yusuf *et al.*, 2023).

Penutup

Dalam perjalanan kita menuju masyarakat madani yang diimpikan, insan rabbani menjadi salah satu pemangkin utama yang menjana perubahan positif. Mereka adalah individu yang tidak hanya hidup untuk diri sendiri, tetapi juga untuk memberikan manfaat kepada masyarakat di sekitarnya. Dengan penuh kasih, ilmu, dan semangat keagamaan, mereka membawa cahaya dalam kegelapan dan kebaikan dalam setiap tindakan.

Insan rabbani membentuk landasan kuat masyarakat madani dengan mengedepankan nilai-nilai moral, etika, dan keadilan dalam semua aspek kehidupan. Mereka adalah contoh teladan yang menjadikan kasih sayang sebagai bahasa universal, ilmu pengetahuan sebagai tonggak perkembangan, dan agama sebagai sumber inspirasi. Dengan setiap langkah yang mereka ambil, mereka membuktikan bahawa kebaikan dan kemajuan bukanlah cita-cita yang mustahil.

Oleh kerana itu, dalam melangkah ke masa depan yang lebih cemerlang, mari kita terus menginspirasi dan mendukung para insan rabbani dalam perjuangan mereka untuk menciptakan masyarakat madani yang lebih baik. Semoga semangat mereka membara dalam diri kita semua, dan bersama-sama kita mewujudkan impian masyarakat madani yang sejahtera, beradab, dan penuh toleransi kerana dalam kehadiran insan rabbani, terletak kunci kesuksesan menuju masa depan yang lebih baik untuk semua.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Ustaz Wan Abdul Rahman, Dr. Muhammad Talhah dari Universiti Teknologi Malaysia dan juga tidak dilupakan khusus kepada Dr Dhiyaul Hafidh, penyelia utama penulis yang sama-sama telah menyumbang untuk menulis bersama sehingga berjayanya artikel ini diterbitkan. Semoga penulisan artikel ini memberi impak dan manfaat kepada sorotan literatur berkenaan insan Rabbani dan masyarakat madani.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Al-Sunnah Al-Nabawiyah

Abdurrahman bin al-Jauzi (1965) Tafsir Ibnu al-Jauzi, 1,2 Al-Maktab al-Islami, Baerut

‘Ali Jum’ah Muhammad. 2018. Al-Ta’ayush Ma’a al-Akhar fi Daw al-Sirah al-Nabawiyah: al-Usus wa al-Maqasid. Kaherah: Syarikah al-Buruj li al-Adawat al-Maktabiyah wa al-Madrasiyyah.

Ahmad Mushtafa al-Maraghi (1971) Tafsir al-Maraghi, 1, 2, Baerut Daar al-Fikr,

Ahmad al- Raisuni (1995), Nazariyyat al-Maqasid ‘Inda al-Imam al-Syatibi, Riyadh: Dar al-‘Alamiyyah li al-Kitab al- Islami, h. 19

- Ajmain@Jimain, S. (2018). *Insan Rabbani Suatu Sorotan*. International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018 (pp. 681-687). Kelantan: Yayasan Islam Kelantan.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2018). *Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: Taadib International
- Al-Zarqa, A. M. (1989). *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah* (2nd ed.). Damascus, Syria: Dar al-Qalam.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad. (2001). *Khuluq al-Muslim*. Al-Iskandariah: Dar al-Da'kwah li al-Tab'i wa al-Nasyr wa al-Tauzi'i.
- Akhmal Annas Hasmori, Hussin Sarju, Ismail Sabri Norihan, Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud. (2011). Pendidikan, Kurikulum dan Masyarakat: Satu Integrasi. *Journal of Edupres*, 1: 350-356
- Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Negara Madani Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Diterbitkan oleh IDE Research Centre Sdn. Bhd. (1138903-V).
- Din @ Mohamad Nasirudin, N., Mariam Abd Majid, Hamidun bin Husin, & Kamal Azmi Abd Rahman. (2022). Elemen Pendidikan Manhaj Rabbani menggunakan Analisis Kajian Literatur Bersistematik (SLR). *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 9(1), 15-30. Retrieved from <https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/180>
- Habib, M. S. (2018). Pendidikan Rabbani Ke Arah Melahirkan Generasi Khaira Ummah. 6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018, (pp. 31-41). Kelantan.
- Husni Muhammad Harun. (2015). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Masyarakat Islam Mengikut Pandangan Yusuf al-Qaradhawi*. Tesis Sarjana Universiti Putra Malaysia.
- Ibn Kathir, Imad al-Din Abu al-Fayha'. *Tafsir al-qur'an al-azim*. ed. Allah Bukhsh Barkhurdaria Trust. 4 vols. Damascus: Maktabat Dar al-Fayha', 1998.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2017. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Mahmud Hijazi (1992) *Al-Tafsir al-Wadhih*, 1, Daar al-Jael, Baerut
- Muhammad Zakwan Abdul Rahim, Nurfaradilla Mohamad Nasri & Mohamad Asyraf Abd Talib. (2020). Culturally Responsif Pedagogy: Teachers' Level of Awareness, Knowledge and Readiness. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1); 25-34. DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01SI-04>
- Muhamad Alihanafiah Norasid & Mustaffa Abdullah. (2019). Gagasan Pembangunan Modal Insan Rabbani oleh Sa'id Hawwā dalam al-Asās fī al-Tafsīr: Ke Arah Pemerkasaan Kader Dakwah. *Jurnal Usuluddin* 47; 25-48. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.sp2019no1.2>
- Shihab, M. Quraish (2002) *Tafsir al-Misbah* Jakarta: Lentera Hati "SCRIPT – For a Better Malaysia by Anwar Ibrahim". Institut Darul Ehsan (dalam bahasa Inggeris). 2 Oktober 2022. Dicapai pada 21 Januari 2023. <https://www.thesundaily.my/local/rafizi-innovathon-provides-opportunity-for-malaysians-to-generate-innovative-ideas-NO10873925>
- Noor Aziera Mohamad Rohana, Mohd Faizal P. Rameli, Rawi Nordin, Siti Nurul Izza Hashim. (2017). Kepelbagaian dan Kesepaduan Etnik di Malaysia Menurut Islam. *Sains Insani*. 2(2); 88-97.
- Samruhaizad Samian @ Samion & Azahan Awang. (2017). Education as Quality Components of Life in The Suburban Community. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(1); 267-280.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. (2016). Teacher's Good Behaviour in Teaching and Learning the Islamic Education. *Akademika* 86(2); 31-42. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-02>
- Tafsir Ibnu Katsir (2007) *Penterjemah M. Abdul Ghoffar dan Abu Ihsan al-Atsari*. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i

Yaacob bin Yusoff Awang & Che Bakar Che Mat (2004), Keperluan Kependidikan Islam Dalam Pengajian Ketamadunan. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.

Yusuf Marlon, Siti Nurbaqis Baharuddin, Abdul Haiy Mahmud. (2023). Pembangunan Insan dalam Konteks Dakwah & Usuluddin. Buku, Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) ISBN: e ISBN 978-967-2808-32-9